Seksyen ini membentangkan dapatan hasil daripada dua penyiasatan isi rumah, iaitu Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah. Data berkenaan pendapatan isi rumah kasar bulanan purata diperolehi daripada Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah yang telah dilaksanakan pada tahun 1999 dan 2004. Bagi perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata, data telah diperolehi daripada Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah yang telah dilaksanakan pada tahun-tahun 1998/99 dan 2004/05.

KONSEP

Isi rumah

Isi rumah ditakrifkan sebagai seorang atau beberapa orang yang membuat peraturan, secara individu atau dalam kumpulan, untuk keperluan bersama bagi makanan dan barang-barang keperluan lain di tempat kediaman yang sama.

Walau bagaimanapun, bagi Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah, syarat tambahan dikenakan di mana mereka perlu tinggal selama 16 hari atau lebih di tempat kediaman tersebut dalam tempoh rujukan.

Pendapatan isi rumah

Pendapatan isi rumah ialah jumlah pendapatan isi rumah yang berbentuk wang tunai dan / atau mata benda yang mana sifatnya berulang kali berlaku dan pada lazimnya terakru kepada isi rumah atau ahli isi rumah dalam jangka masa setahun atau lebih kerap dari itu.

Punca utama pendapatan

Maklumat terperinci tentang pendapatan diperolehi daripada ahli isi rumah yang **menerima pendapatan**. Punca utama pendapatan yang dipungut termasuk:-

- (i) Penerimaan daripada **pekerjaan bergaji** (termasuk upah dan gaji, elaun tunai, bonus, komisen, bayaran kerja lebih masa, makanan percuma, tempat menginap percuma atau konsesi, barang pengguna percuma atau konsesi, bayaran berupa mata benda dan pencaruman majikan kepada KWSP / PERKESO).
- (ii) Pendapatan daripada **bekerja sendiri** (termasuk nilai barang yang dikeluarkan di rumah untuk kegunaan sendiri).
- (iii) Pendapatan **dari harta benda** (termasuk royalti, sewaan, faedah dan dividen).

- (iv) **Penerimaan pindahan semasa** (seperti penerimaan wang daripada isi rumah lain, bayaran nafkah, biasiswa, *fellowship*, pencen, pembayaran berkala daripada harta pusaka atau tabung amanah dan hadiah berupa wang tunai atau mata benda yang diterima).
- (v) **Lain-lain pendapatan** (sewa dinilai bagi rumah diduduki oleh pemilik).

Perbelanjaan penggunaan isi rumah

Perbelanjaan penggunaan isi rumah bermaksud segala perbelanjaan ke atas barang-barang dan / atau perkhidmatan yang diperoleh oleh isi rumah untuk kegunaan persendirian.

Butir-butir perbelanjaan dikelaskan kepada dua belas kumpulan umum mengikut fungsi barang dan perkhidmatan yang biasa digunakan oleh orang awam dalam kehidupan harian. Kumpulan-kumpulan tersebut adalah **makanan dan minuman bukan alkohol; minuman alkohol dan tembakau; pakaian dan kasut; perumahan, eir, elektrik, gas dan bahan api lain; hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan rumah; kesihatan; pengangkutan; komunikasi; perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan; pendidikan; restoran dan hotel; dan pelbagai barang dan perkhidmatan.**

10. HOUSEHOLD INCOME AND EXPENDITURE

INTRODUCTION

This section presents the findings of two household surveys, that is the Household Income Survey and the Household Expenditure Survey. Data on the mean monthly gross household income is obtained from the Household Income Survey 1999 and 2004. The mean monthly household consumption expenditure data was obtained from the Household Expenditure Survey, which was carried out in 1998/99 and 2004/05.

CONCEPTS

Household

A household is defined as person or persons who have made arrangements, individually or in groups, for providing themselves with food or other essentials within the same living quarters.

However, an additional condition is attached to the Household Expenditure Survey whereby the persons mentioned above are required to stay in the said living quarter for 16 days or more, in the reference period.

Household income

Household income is the sum of household money income and / or household income in kind which are of a recurring nature and accruing to the household or to individual member of the household regularly at annual or at more frequent time intervals.

Main source of income

*Detailed information on income was obtained from household members who were **income recipients**. The **main source of income** collected include:-*

- (i) Earnings from **paid employment** (which include wages and salaries, cash allowances, bonuses, commissions, overtime payments, free food, free or concessional lodging, free or concessional consumer goods, payment in kind and employer's contributions to EPF / SOCSO).*
- (ii) Income from **self-employment** (including the value of home produced goods for own consumption).*
- (iii) **Property** income (which includes royalties, rents, interests and dividends).*
- (iv) **Current transfer receipts** (such as remittances, alimony, scholarships and fellowships, pensions, periodic payments from inheritance or trust funds and gifts in cash or in kind received).*
- (v) **Other income** (imputed rent of owner-occupied house).*

Household consumption expenditure

Household consumption expenditure is the expenditure incurred by private households on consumption goods and / or services.

*The consumption expenditure items were classified into twelve broad groups according to the goods and services which were commonly used in people's daily life. The groups so classified were **food and non-alcoholic beverages; alcoholic beverages and tobacco; clothing and footwear; housing, water, electricity, gas and other fuels; furnishings, household equipment and routine household maintenance; health; transport; communication; recreation services and culture; education; restaurants and hotels; and miscellaneous goods and services.***

10.1 PENDAPATAN ISI RUMAH KASAR BULANAN PURATA MENGIKUT KUMPULAN ETNIK
DAN STRATA, 1999 DAN 2004
MEAN MONTHLY GROSS HOUSEHOLD INCOME BY ETHNIC GROUP AND STRATUM,
1999 AND 2004

Kumpulan etnik / Strata <i>Ethnic group / Stratum</i>	Pada Harga Semasa <i>In Current Prices</i>		Kadar pertumbuhan tahunan purata <i>Average annual growth rate</i>
	1999 (RM)	2004	2000 - 2004 (%)
MALAYSIA	2,472	3,250	5.6
Bumiputera	1,984	2,711	6.4
Cina <i>Chinese</i>	3,456	4,437	5.1
India <i>Indians</i>	2,702	3,456	5.0
Lain-lain <i>Others</i>	1,371	2,311	11.0
Bandar <i>Urban</i>	3,103	3,956	5.0
Luar bandar <i>Rural</i>	1,718	1,875	1.8

Nota : Data merujuk kepada Warganegara Malaysia.
Note : Data refer to Malaysian Citizens.

Punca : Rancangan Malaysia Kesembilan
Source : Ninth Malaysia Plan.

10.2 PERBELANJAAN BULANAN PURATA SETIAP ISI RUMAH MENGIKUT STRATA, 1998/99 DAN 2004/05
AVERAGE MONTHLY EXPENDITURE PER HOUSEHOLD BY STRATUM, 1998/99 AND 2004/05

Kumpulan Perbelanjaan <i>Expenditure Group</i>	Jumlah <i>Total</i>		Bandar <i>Urban</i>		Luar Bandar <i>Rural</i>	
	1998/99	2004/05	1998/99	2004/05	1998/99	2004/05
	(RM)					
01 Makanan dan minuman bukan alkohol <i>Food and non-alcoholic beverages</i>	368	393	370	407	366	365
Beras <i>Rice</i>	39	36	32	33	47	43
Roti dan bijirin lain <i>Bread and other cereals</i>	42	44	44	47	40	40
Daging <i>Meat</i>	50	54	51	57	49	48
Ikan dan makanan laut <i>Fish and seafood</i>	74	82	73	84	75	79
Susu, keju dan telur <i>Milk, cheese and eggs</i>	30	31	33	34	28	26
Minyak dan lemak <i>Oils and fats</i>	12	12	12	12	12	11
Buah-buahan <i>Fruits</i>	30	27	33	29	27	23
Sayur-sayuran <i>Vegetables</i>	45	44	46	45	43	41
Gula, jem, madu, coklat dan manisan <i>Sugar, jam, honey, chocolate and confectionery</i>	13	13	12	13	13	13
Keluaran makanan yang tidak dikelaskan dimana-mana <i>Food products N. E. C</i>	14	25	14	27	15	20
Kopi,teh, koko dan minuman bukan alkohol <i>Coffee, tea, cocoa and non-alcoholic beverages</i>	19	25	21	27	17	22
02 Minuman alkohol dan tembakau <i>Alcoholic beverages and tobacco</i>	30	35	31	38	29	30
03 Pakaian dan kasut <i>Clothing and footwear</i>	56	59	61	64	50	48
04 Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain <i>Housing, water, electricity, gas and other fuels</i>	363	430	464	522	246	247
05 Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah <i>Furnishings, household equipment and routine household maintenance</i>	84	83	99	97	66	56
06 Kesihatan <i>Health</i>	29	27	36	33	20	16
07 Pengangkutan <i>Transport</i>	227	314	268	372	181	200
08 Komunikasi <i>Communication</i>	59	103	77	128	39	53
09 Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan <i>Recreation services and culture</i>	70	92	88	115	49	48
10 Pendidikan <i>Education</i>	31	38	44	49	15	16
11 Restoran dan hotel <i>Restaurants and hotels</i>	209	213	278	260	130	120
Perbelanjaan makanan di luar rumah <i>Expenditure on food away from home</i>	178	169	238	208	108	92
Perbelanjaan minuman di luar rumah <i>Expenditure on beverages away from home</i>	27	35	34	41	19	24
Perkhidmatan penginapan dan lain-lain <i>Accommodation services and others</i>	4	9	6	11	3	4
12 Pelbagai barang dan perkhidmatan <i>Miscellaneous goods and services</i>	105	167	128	200	79	102
Perbelanjaan Bulanan Purata Setiap Isi Rumah (01-12) <i>Average Monthly Expenditure Per Household (01-12)</i>	1,631	1,953	1,943	2,285	1,270	1,301

***A*KAUN NEGARA**
National Accounts

11. AKAUN NEGARA

PENGENALAN

Seksyen ini mempersembahkan akaun makro-ekonomi dalam bentuk Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan Pendapatan Negara Kasar (PNK) mengikut kedua-dua nilai, iaitu nilai malar (2000 = 100) dan nilai semasa.

Jadual 11.1 dan 11.2 masing-masing menunjukkan KDNK dan PNK dalam harga semasa dan malar (2000 = 100) yang dikelaskan mengikut jenis perbelanjaan. Jadual 11.3 dan 11.4 mempersembahkan KDNK mengikut aktiviti ekonomi dalam harga semasa dan malar.

KONSEP

Perangkaan Akaun Negara yang pertama telah disusun dan diterbitkan pada separuh akhir tahun 1950'an, dan sejak itu, Jabatan Perangkaan telah menyusun dan menerbitkan perangkaan akaun negara secara tahunan.

Anggaran terkini yang disusun dan diterbitkan oleh Jabatan ini adalah bagi tahun rujukan 2007. Bagi tujuan penerbitan ini, data bagi tahun 2003 hingga 2007 dipersembahkan.

Sistem akaun negara ini adalah berdasarkan konsep dan metodologi yang terdapat dalam penerbitan bertajuk "*System of National Accounts, 1993*", atau ringkasnya SNA (1993), Pejabat Perangkaan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Selaras dengan syor-syor SNA (1993), pendekatan aliran komoditi terperinci telah diamalkan oleh Jabatan. Walau bagaimanapun, pengeluaran perangkaan akaun negara yang menggunakan pendekatan yang disyorkan ini, mengambil masa yang panjang kerana ia melibatkan bentuk kerja yang banyak dan kompleks. Oleh itu, pendekatan aliran komoditi ini digunakan hanya untuk pengeluaran perangkaan akaun negara muktamad. Akaun negara muktamad telah disusun dan diterbitkan bagi tahun 1971, 1973, 1978, 1983, 1987, 1991 dan 2000.

Bagi penyiaran perangkaan akaun negara yang bertepatan masa dan untuk tahun-tahun di mana akaun negara muktamad tidak disusun, Jabatan ini menerbitkan anggaran akaun negara tahunan. Anggaran ini adalah berdasarkan kepada penunjuk penawaran dan permintaan yang didapati daripada perangkaan semasa yang dikumpul oleh Jabatan dan data sekunder yang dikumpulkan oleh agensi luar Jabatan.

Keluaran Dalam Negeri Kasar ialah jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu selepas menolak harga barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran tetapi belum ditolak nilai penggunaan modal tetap. KDNK boleh dinilai pada nilai pembeli dan pada harga faktor.

Pendapatan Negara Kasar adalah merujuk kepada pengeluaran oleh penduduk negara, sama ada mereka bermastautin dalam wilayah tempatan atau tidak. KDNK boleh ditukar kepada PNK dengan menambah pendapatan faktor bersih dari luar negara.

Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan meliputi perbelanjaan bagi gaji dan upah, barang dan perkhidmatan dan penggunaan modal tetap dan ditolak nilai jualan.

Perbelanjaan Penggunaan Akhir Persendirian adalah perbelanjaan bagi barang dan perkhidmatan oleh orang perseorangan dan perbelanjaan oleh institusi bukan untung swasta yang memberikan perkhidmatan kepada isi rumah. Butiran ini tidak termasuk pembelian tempat kediaman oleh orang perseorangan, perbelanjaan modal oleh institusi bukan untung swasta dan penyelenggaraan tempat kediaman, tetapi termasuk perbelanjaan persendirian ke atas kenderaan bermotor dan barang tahan lama yang lain serta nilai sewa tertaksir tempat kediaman yang didiami sendiri oleh pemilik. Nilai barang makanan yang dikeluarkan dan digunakan dalam kebun dan pembayaran gaji dan upah dalam bentuk benda adalah termasuk dalam perbelanjaan penggunaan akhir persendirian ini.

Pembentukan Modal Tetap Kasar adalah perbelanjaan ke atas harta tetap oleh industri dan kerajaan serta bayaran pindahan harta tanah. Ini termasuklah perbelanjaan ke atas bangunan kediaman, bangunan bukan kediaman, pembinaan kejuruteraan awam yang lain, pembaikan tanah, alat pengangkutan, jentera dan peralatan serta penternakan binatang untuk baka.

Eksport Barang dan Perkhidmatan adalah nilai barang yang dieksport dan jumlah yang diterima daripada bukan pemastautin bagi perkhidmatan yang disediakan oleh pemastautin Malaysia.

Import Barang dan Perkhidmatan adalah nilai barang yang diimport dan jumlah yang kena dibayar kepada bukan pemastautin bagi perkhidmatan yang disediakan kepada pemastautin Malaysia.

11. NATIONAL ACCOUNTS

INTRODUCTION

This section presents macro-economic accounts in terms of Gross Domestic Product (GDP) and Gross National Income (GNI) in both constant (2000 = 100) and current values.

Tables 11.1 and 11.2 show GDP and GNI respectively in current and constant prices (2000 = 100) classified by type of expenditure. Tables 11.3 and 11.4 present GDP by kind of economic activity in current and constant prices.

CONCEPTS

National Accounts statistics were first compiled and published during the latter half of the 1950's and since then, the Department of Statistics has compiled and published national accounts statistics on an annual basis.

The latest estimates compiled and published by the Department is for reference year 2007. For the purpose of this publication, data for the years 2003 to 2007 are presented.

The system of national accounts is based on the concepts and methodology outlined in the publication entitled "System of National Accounts, 1968", in short referred to as the SNA (1993) of the United Nations Statistical Office.

In line with the recommendations of the SNA (1993), a detailed commodity-flow approach has been adopted by the Department. The production of national accounts statistics using this recommended approach would, however, result in a considerable time-lag due to the voluminous and complex nature of the work involved. As such, this commodity-flow approach is used only for the production of final national accounts statistics. Final national accounts have been compiled and published for the years 1971, 1973, 1978, 1983, 1987, 1991 and 2000.

For more timely releases of national accounts statistics and for the years for which final national accounts are not compiled, the Department publishes annual national accounts estimates. These estimates are based on supply and demand indicators emanating from current statistics collected by the Department and secondary data collected by agencies outside the Department.

Gross Domestic Product is the total value of goods and services produced within a given period after deducting the cost of goods and services used up in the process of production but before deducting allowances for the consumption of fixed capital. Gross domestic product can be valued at purchasers' values and at factor cost.

Gross National Income refers to the production of the nationals of the country, whether they are in residence in the domestic territory or not. Gross domestic product may be converted to Gross National Income by adding net factor incomes from abroad.

Government Final Consumption Expenditure encompasses expenditure on salaries and wages, goods and services and consumption of fixed capital less value of sales.

Private Final Consumption Expenditure is expenditure on goods and services by persons and expenditure by private non-profit institutions serving households. This item excludes purchases of dwellings by persons, capital expenditure by private non-profit institutions and maintenance of dwellings, but includes personal expenditure on motor vehicles and other durable goods and the imputed rent of owner-occupied dwellings. Both the value of food produced and consumed on farms and the payment of salaries and wages in kind is included in private final consumption expenditure.

Gross Fixed Capital Formation consists of the outlays on fixed assets by industries and the Government and real estate transfer fees. Included are expenditure on residential buildings, non-residential buildings, other civil engineering construction, land improvement, transport equipment, machinery and equipment and breeding stock.

Exports of Goods and Services is the value of goods exported and the amounts receivable from non-residents for the provision of services by Malaysian residents.

Imports of Goods and Services, similarly, is the value of goods imported and amounts payable to non-residents for the provision of services to Malaysian residents.

11.1 PERBELANJAAN ATAS KELUARAN DALAM NEGERI KASAR MENGIKUT JENIS PERBELANJAAN PADA
HARGA SEMASA
EXPENDITURE ON GROSS DOMESTIC PRODUCT BY TYPE OF EXPENDITURE AT CURRENT PRICES

Jenis Perbelanjaan <i>Type of Expenditure</i>	2003	2004	2005	RM Juta Million	
				2006 ^e	2007 ^p
Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan <i>Government final consumption expenditure</i>	54,306	59,635	64,278	68,526	78,297
Perbelanjaan penggunaan akhir swasta <i>Private final consumption expenditure</i>	186,674	208,571	233,305	257,412	292,724
Perubahan dalam inventori^(a) <i>Changes in inventories</i>	1,462	9,930	-2,770	577	1,654
Pembentukan modal tetap kasar <i>Gross fixed capital formation</i>	93,864	99,336	107,185	119,596	139,142
Eksport barang dan perkhidmatan <i>Exports of goods and services</i>	447,846	546,925	613,694	669,776	707,156
Kurang : Import barang dan perkhidmatan <i>Less : Imports of goods and services</i>	365,383	450,350	494,414	542,150	577,110
Perbelanjaan atas KDNK pada harga pembeli <i>Expenditure on GDP at purchasers' prices</i>	418,769	474,048	522,445	573,736	641,864
Bayaran pendapatan faktor bersih dari luar negeri <i>Net factor income payments from abroad</i>	-22,537	-24,402	-23,961	-17,356	-13,758
Pendapatan Negara Kasar (PNK) <i>Gross National Income (GNI)</i>	396,232	449,646	498,485	556,380	628,106
Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita dalam RM <i>Gross National Income (GNI) per capita in RM</i>	15,819	17,577	19,079	20,885	23,115

(a) Termasuk perbezaan perangkaan hasil daripada pengimbangan.
Includes statistical discrepancy arising from balancing.

p Permulaan.
Preliminary.

11.2 PERBELANJAAN ATAS KELUARAN DALAM NEGERI KASAR MENGIKUT JENIS PERBELANJAAN PADA
HARGA MALAR 2000
EXPENDITURE ON GROSS DOMESTIC PRODUCT BY TYPE OF EXPENDITURE AT CONSTANT 2000 PRICES

Jenis Perbelanjaan <i>Type of Expenditure</i>	2003	2004	2005	2006 ^e	RM Juta
					Million
					2007 ^p
Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan <i>Government final consumption expenditure</i>	50,939	54,832	58,395	61,258	65,299
Perbelanjaan penggunaan akhir swasta <i>Private final consumption expenditure</i>	180,423	198,193	216,247	230,322	255,028
Perubahan dalam inventori^(a) <i>Changes in inventories</i>	966	4,052	-3,080	111	-5,918
Pembentukan modal tetap kasar <i>Gross fixed capital formation</i>	91,317	94,562	99,266	107,116	117,375
Eksport barang dan perkhidmatan <i>Exports of goods and services</i>	440,963	511,774	554,261	592,898	617,628
Kurang : Import barang dan perkhidmatan <i>Less : Imports of goods and services</i>	365,195	436,906	475,838	516,412	544,059
Perbelanjaan atas KDNK pada harga pembeli <i>Expenditure on GDP at purchasers' prices</i>	399,414	426,508	449,250	475,192	505,353
Bayaran pendapatan faktor bersih dari luar negeri <i>Net factor income payments from abroad</i>	-22,605	-23,670	-24,956	-20,567	-23,114
Pendapatan Negara Kasar (PNK) <i>Gross National Income (GNI)</i>	376,809	402,838	424,295	454,625	482,239
Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita dalam RM <i>Gross National Income (GNI) per capita in RM</i>	15,043	15,748	16,239	17,065	17,747

(a) Termasuk perbezaan perangkaan hasil daripada pengimbangan.
Includes statistical discrepancy arising from balancing.

p Permulaan.
Preliminary.

11.3 KELUARAN DALAM NEGERI KASAR MENGIKUT JENIS AKTIVITI EKONOMI PADA HARGA SEMASA
GROSS DOMESTIC PRODUCT BY KIND OF ECONOMIC ACTIVITY AT CURRENT PRICES

Jenis Aktiviti Ekonomi <i>Kind of Economic Activity</i>	RM Juta <i>Million</i>				
	2003	2004	2005	2006 ^e	2007 ^p
Pertanian <i>Agriculture</i>	38,971	43,949	43,854	50,512	65,701
Perlombongan dan kuari <i>Mining and quarrying</i>	41,918	56,881	75,062	83,869	92,796
Pembuatan <i>Manufacturing</i>	125,332	144,007	154,657	169,761	179,522
Pembinaan <i>Construction</i>	15,200	15,458	15,680	15,941	17,584
Perkhidmatan <i>Services</i>	208,215	224,889	244,139	266,062	299,139
Perkhidmatan perantara <i>Intermediate services</i>	88,086	93,851	101,305	110,607	124,049
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi <i>Transport, storage and communication</i>	30,172	33,319	35,978	38,586	42,329
Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan <i>Finance, insurance, real estate and business services</i>	57,914	60,531	65,328	72,021	81,719
Perkhidmatan akhir <i>Final services</i>	90,560	99,212	108,404	117,247	130,859
Utiliti <i>Utilities</i>	12,607	13,711	14,327	15,388	16,373
Perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran <i>Wholesale and retail trade, accommodation and restaurants</i>	53,062	59,401	66,535	72,801	83,577
Perkhidmatan-perkhidmatan lain <i>Other services</i>	24,891	26,099	27,542	29,057	30,910
Perkhidmatan kerajaan <i>Government services</i>	29,569	31,827	34,426	38,208	44,231
Tolak : Fisim yang tidak diagihkan <i>Less : Undistributed FISIM</i>	17,374	17,531	17,314	18,066	18,846
Campur : Duti import <i>Plus : Import duties</i>	6,507	6,396	6,372	5,659	5,969
KDNK pada harga pembeli <i>GDP at purchasers' prices</i>	418,769	474,048	522,445	573,736	641,864

^p Permulaan.
Preliminary.

11.4 KELUARAN DALAM NEGERI KASAR MENGIKUT JENIS AKTIVITI EKONOMI PADA HARGA MALAR 2000
GROSS DOMESTIC PRODUCT BY KIND OF ECONOMIC ACTIVITY AT CONSTANT 2000 PRICES

Jenis Aktiviti Ekonomi <i>Kind of Economic Activity</i>	2003	2004	2005	RM Juta <i>Million</i>	
				2006 ^e	2007 ^p
Pertanian <i>Agriculture</i>	33,369	34,929	35,835	37,769	38,593
Perlombongan dan kuari <i>Mining and quarrying</i>	40,959	42,627	42,472	41,315	42,663
Pembuatan <i>Manufacturing</i>	119,687	131,127	137,940	147,672	152,262
Pembinaan <i>Construction</i>	15,031	14,903	14,685	14,604	15,279
Perkhidmatan <i>Services</i>	201,568	214,528	230,043	246,895	270,761
Perkhidmatan perantara <i>Intermediate services</i>	86,632	91,748	98,411	105,926	118,366
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi <i>Transport, storage and communication</i>	28,621	30,973	32,870	34,903	37,851
Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan <i>Finance, insurance, real estate and business services</i>	58,011	60,775	65,541	71,023	80,516
Perkhidmatan akhir <i>Final services</i>	88,243	94,537	101,261	107,471	117,391
Utiliti <i>Utilities</i>	12,282	13,100	13,851	14,631	15,196
Perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran <i>Wholesale and retail trade, accomodation and restaurants</i>	51,965	56,441	61,346	65,536	73,522
Perkhidmatan-perkhidmatan lain <i>Other services</i>	23,996	24,996	26,064	27,304	28,673
Perkhidmatan kerajaan <i>Government services</i>	26,693	28,243	30,371	33,498	35,004
Tolak : Fisim yang tidak diagihkan <i>Less : Undistributed FISIM</i>	17,654	17,705	17,742	18,351	19,727
Campur : Duti import <i>Plus : Import duties</i>	6,453	6,099	6,017	5,287	5,521
KDNK pada harga pembeli <i>GDP at purchasers' prices</i>	399,414	426,508	449,250	475,192	505,353

^p Permulaan.
Preliminary.

9 MBANGAN PEMBAYARAN

Balance Of Payments

12. IMBANGAN PEMBAYARAN

PENGENALAN

Maklumat yang ditunjukkan dalam Jadual Imbangan Pembayaran Malaysia merujuk kepada transaksi antarabangsa dalam akaun semasa dan akaun modal & kewangan. Akaun semasa merekodkan transaksi barangan, perkhidmatan, pendapatan dan pindahan semasa manakala akaun modal & kewangan merekodkan perubahan dalam aset dan liabiliti kewangan asing negara ini.

OBJEKTIF

Objektif utama penyusunan anggaran imbangan pembayaran Malaysia adalah untuk menyediakan maklumat tentang prestasi ekonomi Malaysia berbanding dengan negara-negara lain dari segi magnitud dan jenis transaksi dalam Akaun Semasa dan juga di dalam aliran Akaun Modal serta Kewangan. Secara khususnya, kedudukan Akaun Semasa menunjukkan ringkasan tentang transaksi yang berlaku di dalam item / komponen barangan, perkhidmatan, pendapatan dan pindahan semasa negara, dan menggambarkan tentang pendapatan dan perbelanjaan yang dinilai dari segi pertukaran asing keseluruhan Malaysia bagi tempoh di bawah kajian. Anggaran tersebut juga menunjukkan imbangan akaun semasa yang diukur dari segi peruntukan bersih sumber kepada atau daripada negara lain, yang dicerminkan oleh sama ada Malaysia mempunyai tuntutan bersih ke atas atau liabiliti kepada negara lain di dunia.

Anggaran imbangan pembayaran digunakan sebagai alat pengukur di dalam kerja analisa dan penggubalan polisi oleh agensi perancang pusat seperti Bank Negara Malaysia (BNM), Unit Perancang Ekonomi dan Perbendaharaan dan juga oleh penganalisa pasaran, penyelidik dan pengguna lain.

SKOP

Anggaran imbangan pembayaran yang disusun oleh Jabatan adalah pada peringkat Malaysia. Mulai 1999, anggaran ini telah disusun berdasarkan metodologi di dalam Manual Imbangan Pembayaran edisi ke-5 (BPM5) yang diterbitkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

KONSEP

1. Imbangan Pembayaran

- 1.1 Anggaran Imbangan Pembayaran Malaysia merupakan satu laporan perangkaan bagi suatu tempoh yang menunjukkan:
 - 1.1.1 transaksi ekonomi antarabangsa Malaysia tentang barangan, perkhidmatan dan pendapatan yang diterima daripada dan yang diberikan kepada bukan residen (negara lain di dunia);

1.1.2 bayaran pindahan semasa / modal daripada residen Malaysia kepada bukan residen yang merupakan satu bentuk transaksi di mana satu entiti menyediakan sesuatu yang mempunyai nilai ekonomi kepada entiti lain tanpa menerima balasan; dan

1.1.3 perubahan pada tuntutan (aset) kewangan Malaysia terhadap bukan residen dan liabiliti kepada bukan residen.

2. Akaun Semasa

2.1 Akaun ini ialah rekod transaksi antarabangsa bagi barangan, perkhidmatan, pendapatan dan pindahan semasa. Ia mencerminkan pendapatan dan perbelanjaan Malaysia dari segi tukaran asing dalam tempoh tertentu. Lebihan (+) berlaku apabila pendapatan melebihi perbelanjaan. Jika sebaliknya, maka wujudlah defisit (-).

2.1.1 Barangan dan Perkhidmatan

2.1.1.1 Barangan

Barangan meliputi kedua-dua eksport dan import bagi dagangan am, barangan untuk diproses, perkhidmatan penyelenggaraan atas barangan, barangan yang diperolehi oleh pesawat udara di lapangan terbang dan oleh kapal di pelabuhan, dan emas bukan monetari.

(a) Eksport f.o.b. merujuk kepada nilai pasaran barangan di sempadan kastam negara pengeksport, iaitu meliputi semua kos pengangkutan barangan ke sempadan kastam, eksport, duti lain yang kena bayar, dan kos muatan ke kenderaan pengangkut melainkan jika kos ini ditanggung sendiri oleh syarikat pengangkut.

(b) Import c.i.f. merujuk kepada nilai pasaran barangan di sempadan kastam negara pengimport, iaitu meliputi semua caj pengangkutan dan insurans ketika dalam perjalanan tetapi tidak termasuk kos punggahan daripada kapal pesawat udara atau kenderaan, melainkan kos sedemikian ditanggung sendiri oleh syarikat pengangkut tersebut. Nilai c.i.f. ini dibuat penyesuaian kepada nilai f.o.b. untuk digunakan dalam perangkaan imbalan pembayaran.

(c) Imbalan barangan f.o.b. [barangan (bersih)] diperolehi secara barangan-kredit tolak barangan-debit. Ia berbeza daripada imbalan pada perangkaan perdagangan luar negeri berdasarkan kepada alasan berikut:

i. pada perangkaan perdagangan luar negeri, import dinilai pada c.i.f.; dan

- ii. pada imbalan pembayaran, barangan (bersih) membabitkan penyesuaian dari segi liputan dan pertukaran hak milik.

2.1.1.2 Perkhidmatan

Perkara ini meliputi :

(a) Pengangkutan

Pengangkutan meliputi semua perkhidmatan pengangkutan (laut, udara dan lain-lain - termasuk darat, jalan air, angkasa lepas dan talian paip) yang diberikan oleh residen sebuah ekonomi kepada bukan residen ekonomi lain. Ia melibatkan perkhidmatan pengangkutan penumpang, barangan (tambang), pengangkutan sokongan dan tambahan lain.

(b) Perjalanan

Perkara ini merujuk kepada barangan dan perkhidmatan seperti penginapan, makanan, hiburan, pengangkutan domestik, hadiah dan cenderamata yang diperoleh oleh pelawat asing ketika berada di Malaysia, dan yang diperoleh oleh residen Malaysia ketika berada di negara asing. Perbelanjaan berkaitan pendidikan, kesihatan dan keagamaan juga dikira di sini.

(c) Perkhidmatan Lain

- i. Selain daripada komponen 'Pengangkutan' dan 'Perjalanan', perkara ini meliputi semua transaksi perkhidmatan dengan bukan residen yang tidak direkodkan di tempat lain dalam Imbalan Pembayaran. Dalam konteks Malaysia, transaksi yang terbabit ialah perkhidmatan komunikasi (telekomunikasi dan pos), pembinaan, insurans (barangan dan bukan barangan), kewangan, komputer & maklumat, royalti & yuran lesen, perkhidmatan perniagaan lain (seperti dagangan *merchanding*, sewaan operasi dan perkhidmatan profesional & teknikal) dan perkhidmatan persendirian, kebudayaan dan rekreasi dan perkhidmatan kerajaan.
- ii. Perdagangan *merchanding* ditakrifkan sebagai pembelian barangan bukan residen oleh residen, dan tanpa memasuki Malaysia terlebih dahulu, barangan tersebut dijual pula kepada bukan residen lain. Perbezaan di antara harga belian dengan jualan semula dicatatkan sebagai nilai perkhidmatan *merchanding*.

2.1.1.3 **Pendapatan**

Pendapatan meliputi dua jenis transaksi antara residen dan bukan residen iaitu pampasan pekerja yang diterima oleh residen yang bekerja di luar negeri atau yang dibayar kepada bukan residen yang bekerja di Malaysia dan pendapatan pelaburan. Pampasan pekerja terdiri daripada upah, gaji dan kemudahan lain dalam bentuk tunai atau barangan. Pendapatan Pelaburan pula melibatkan penerimaan dan pembayaran ke atas aset dan liabiliti kewangan asing yang dihasilkan dari pelaburan langsung, pelaburan portfolio dan pelaburan lain.

2.1.1.4 **Pindahan Semasa**

- (a) Pindahan adalah kemasukan bagi mengimbangi sebarang pemberian yang tiada balasan, untuk sumber sebenar atau sumber kewangan dan ia berbentuk wang tunai atau barangan. Pindahan semasa terbahagi kepada dua sektor utama iaitu sektor awam dan sektor lain.
- (b) Termasuk penerimaan atau pembayaran geran secara tunai atau barangan oleh sektor kerajaan bagi tujuan pembangunan ekonomi dan sosial, cukai, denda dan yuran yang diterima atau dibayar oleh kerajaan.
- (c) Penerimaan atau pembayaran dalam sektor lain termasuk geran dan hadiah secara tunai atau barangan yang diterima daripada atau diberi kepada organisasi yayasan amal dan agama di luar negeri. Termasuk juga kiriman wang yang dibuat oleh ekspatriat dan pekerja asing yang bekerja di Malaysia.

2.2 **Imbangan Akaun Semasa**

Akaun ini merupakan hasil tambah komponen-komponen berikut:

- (a) imbangan barangan, perkhidmatan dan pendapatan; dan
- (b) pindahan semasa bersih.

3. **Akaun Modal dan Kewangan**

Akaun ini mempunyai dua komponen utama iaitu Akaun Modal dan Akaun Kewangan. Komponen akaun modal merangkumi pindahan modal dan perolehan / penjualan aset bukan kewangan bukan pengeluaran. Komponen akaun kewangan merangkumi pelaburan langsung, pelaburan portfolio dan pelaburan lain dan juga aset rizab. Lebihan (+) menunjukkan wang aliran masuk lebih tinggi berbanding aliran keluar manakala defisit (-) menunjukkan wang aliran keluar lebih tinggi berbanding aliran masuk.

3.1 Pelaburan langsung

Perkara ini merujuk kepada transaksi aset dan liabiliti kewangan asing ekoran daripada pelaburan langsung asing di luar negeri dan pelaburan langsung asing (FDI) di Malaysia. Perkara ini meliputi modal ekuiti (ekuiti dan sekuriti hutang), modal lain (seperti pinjaman, kredit perdagangan, deposit, dll) serta perolehan tertahan.

3.2 Pelaburan portfolio

Perkara ini merujuk kepada transaksi bersih dalam sekuriti ekuiti dan sekuriti hutang seperti bon, nota dan instrumen pasaran kewangan. Transaksi derivatif kewangan (aset dan liabiliti) juga direkodkan di sini.

3.3 Pelaburan lain

Kategori ini meliputi semua transaksi aset dan liabiliti kewangan yang tidak tergolong di dalam mana-mana kategori pelaburan langsung, pelaburan portfolio dan aset rizab. Komponen ini merangkumi kredit perdagangan, pinjaman (jangka panjang dan pendek), deposit dan aset / liabiliti lain.

3.4 Akaun Modal & Kewangan menjelaskan tentang bagaimana lebihan pada Akaun Semasa digunakan dan defisit dibiayai. Jadi, lebihan boleh digunakan untuk tujuan pelaburan di luar negeri atau pemberian pinjaman ke luar negeri atau pengumpulan rizab. Sebaliknya, defisit pada Akaun Semasa mungkin dibiayai melalui kemasukan pelaburan asing atau perolehan pinjaman luar negeri atau pengurangan rizab.

4. Kesilapan dan Ketinggalan

Kemasukan item ini (secara bersih) adalah untuk mengimbangi lebihan atau pengurangan anggaran yang berlaku pada setiap item di dalam Imbangan Pembayaran. Perbezaan juga boleh berlaku kerana proses penyusunan anggaran Imbangan Pembayaran yang melibatkan pelbagai sumber data iaitu terdiri daripada data aliran tunai, contohnya: Sistem Maklumat Transaksi Antarabangsa BNM (ITIS); dan data terakru, contohnya data Penyiasatan Pelaburan dan Perkhidmatan Antarabangsa Suku Tahunan (PPPA) Jabatan dan juga mungkin disebabkan oleh keuntungan / kerugian penilaian.

5. Imbangan Keseluruhan

Perkara ini merujuk kepada prestasi keseluruhan Imbangan Pembayaran setelah mengambil kira prestasi akaun semasa, akaun modal dan kewangan dan Kesilapan & Ketinggalan dan Aset Rizab.

6. Aset Rizab

Aset rizab adalah aset kewangan asing yang dimiliki dan dikawal oleh BNM bagi tujuan penyaraan kewangan atau ketidakseimbangan pembayaran atau bagi tujuan lain. Kategori ini meliputi:

- 6.1 emas monetari (*monetary gold*); dan
- 6.2 *Special Drawing Rights (SDR)*, kedudukan rizab dalam IMF, emas & aset tukaran asing (seperti tukaran asing, deposit dan sekuriti) dan tuntutan lain.

Tanda negatif (-) menunjukkan peningkatan manakala tanda positif (+) menunjukkan pengurangan dalam aset rizab.

7. Sumber Data

Penyusunan Anggaran Imbangan Pembayaran menggunakan sumber data berikut:

- 7.1 sumber utama – Penyiasatan Pelaburan dan Perkhidmatan Antarabangsa Suku Tahunan, Penyiasatan Syarikat Penerbangan Asing di Malaysia dan Banci Syarikat Perkapalan di Malaysia yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia;
- 7.2 sumber sekunder – perangkaan pelancongan yang disusun oleh Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia berdasarkan Penyiasatan Pemergian Pelawat dengan data tambahan daripada Jabatan Imigresen. Sumber lain termasuklah data yang dibekalkan oleh Bank Negara Malaysia tentang pengeluaran pinjaman dan pembayaran balik oleh kerajaan pusat dan syarikat kerajaan (NFPE) dan Sistem Maklumat Transaksi Antarabangsa (ITIS); dan
- 7.3 rekod pentadbiran sektor awam dan swasta. Sektor awam merujuk kepada BNM, Jabatan Akauntan Negara, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Pertahanan, Kementerian Luar Negeri, Pihak Berkuasa Pelabuhan, dsbnya. Sektor swasta yang turut membekalkan data termasuklah syarikat penerbangan dan perkapalan nasional, Malaysia Airport Berhad dan Pos Malaysia Berhad.

8. Pindaan

Pindaan yang dibuat dari semasa ke semasa ekoran daripada penyemakan kualiti yang berterusan, dimasukkan ke dalam keluaran yang terkini.

9. Pembundaran

Perbezaan pada data yang dilaporkan adalah disebabkan oleh ralat pembundaran.

12. BALANCE OF PAYMENTS

INTRODUCTION

The information presented in the table on Malaysia's Balance of Payments relate to international transactions on both the current and capital & financial accounts. The current account record transactions in goods, services, income and current transfers while the capital & financial account records changes in the country's financial assets and liabilities.

OBJECTIVE

The main objective of compiling Malaysia's balance of payments estimates is to provide information on Malaysia's economic performance vis-à-vis the rest of the world in terms of the magnitude and types of transactions in Current Account and also in Capital and Financial Account flows. In particular, the Current Account position summarises the country's transactions in goods, services, income and current transfers, and presents an overall view of Malaysia's earnings and spendings in terms of foreign exchange for the period under review. As the current account balance reflects the net provision of resources to or from the rest of the world, the estimates also indicate whether Malaysia has net claims on or liabilities to the rest of the world.

The balance of payments estimates serve as a tool for economic analysis and policy formulation by the central planning agencies, such as Bank Negara Malaysia (BNM), the Economic Planning Unit and the Treasury as well as market analysts, researchers and other users.

SCOPE

The balance of payments estimates relate to Malaysia as a whole. Commencing from 1999, the estimates were compiled in conformity with the methodology set forth in the 5th edition of the Balance of Payments Manual (BPM5) of the International Monetary Fund (IMF).

CONCEPTS

1. Balance of Payments

- 1.1 *The Balance of Payments estimates for Malaysia is a statistical statement for a given period showing:*
 - 1.1.1 *Malaysia's international economic transactions in goods, services and income received from, and provided to non-residents (the rest of the world);*
 - 1.1.2 *Malaysia's provision of current / capital transfers to non-residents, which refer to transactions in which one transactor provides an economic value to another transactor but does not receive any quid pro quo in return; and*

1.1.3 *The changes in Malaysia's financial claims on, and liabilities to non-residents.*

2. The Current Account

2.1 *This account is a record of international transactions in goods, services, income and current transfers. It gives a picture of Malaysia's earnings and spendings in terms of foreign exchange for a given period. A surplus (+) arises if these earnings exceed similar spendings, while a deficit (-) shows up in the reverse case.*

2.1.1 Goods and Services

2.1.1.1 Goods

Goods cover both the exports and imports of general merchandise, goods for processing, repairs on goods, goods procured in airports and ports by carriers, and non-monetary gold.

(a) Exports f.o.b. refer to the value of the goods in the market at the statistical / customs frontier of the exporting country, including all costs of transporting the goods to the statistical / customs frontier, export and other duties payable as well as the cost of loading the goods onto the carrier unless the latter cost is borne by the carrier.

(b) Imports c.i.f. refer to the value of the goods in the market at the statistical / customs frontier of the importing country, including all charges for transport and insurance whilst in transit but excluding the cost of unloading from the ship, aircraft or vehicle, unless it is borne by the carrier. The c.i.f. value is adjusted to a f.o.b. valuation for balance of payments statistics.

(c) Balance on goods f.o.b. (net goods) is derived by subtracting goods-debit from goods-credit. It is different from the balance as shown in the external trade statistics because of the following reasons:

- i. imports are recorded in c.i.f. in the external trade statistics; and*
- ii. goods (net) in the balance of payments are adjusted for coverage and change of ownership.*

2.1.1.2 **Services**

Include the following components :

(a) Transportation

Transportation covers all transportation (sea, air and other – including land, internal waterway, space and pipeline) services that are performed by residents of one economy for those of another and that involve the carriage of passengers, the movement of goods (freight) and related supporting and auxiliary services.

(b) Travel

The item refers to the goods and services such as accommodation, meals, entertainment, internal transportation and gifts and souvenirs acquired from Malaysia by visitors during their stay in Malaysia and from abroad by Malaysian residents travelling overseas. Expenditure related to education, health and religion are also taken into account.

(c) Other Services

i. Apart from 'Transportation' and 'Travel' components, this item is defined to include services transactions with non-residents which are not recorded elsewhere in the Balance of Payments. In the Malaysian context, the services transacted are categorised under communication (telecommunication, postal & carrier), construction, insurance (merchandise and non-merchandise), financial, computer & information related, royalties & licence fees, other business services (merchanting trade, operational leasing, misc. professional & technical services), personal, cultural & recreational services and government services.

ii. Merchanting trade is defined as the purchase of goods by a resident from a non-resident and the subsequent resale of the goods to another non-resident. During the process, the goods are not brought into Malaysia. The difference between the purchase and resale values of the goods transacted is recorded as the value of merchanting services provided.

2.1.1.3 **Income**

Income covers two types of transactions between residents and non-residents namely, those involving compensation of employees which is earned by resident workers working abroad or paid to non-resident workers working in Malaysia. Compensation of employees comprises wages, salaries, and other benefits, in cash or in kind. The other type of income is involving investment income receipts and payments on external financial assets and liabilities namely income derived from direct investment, portfolio investment and other investment.

2.1.1.4 **Current Transfers**

(a) Transfers are offsetting entries to the provision, without quid pro quo, of real or financial resources, in the form of cash or in kind. Current transfers are classified according to two main categories : general government and other sector.

(b) Receipts or payments in the general government sector include grants in cash or kind for economic and social development, taxes, fines, fees received or paid by government.

(c) Receipts or payments in the general sector include grants and gifts received or given from / to charitable or religious organizations. Remittances by expatriates and foreign workers in Malaysia are also included in this category.

2.2 **Balance on Current Account**

This account is the sum of the following sub-components:

- (a) balance on goods, services and income; and*
- (b) net current transfers.*

3. **Capital and Financial Account**

This account has two major components – the capital account and the financial account. The components classified under the capital account are capital transfers and acquisition / disposal of non-produced, non-financial assets. Components of the Financial accounts cover mainly direct, portfolio and other investment as well as reserve assets. A surplus (+) indicates that an inflow of fund exceeds that of the outflow while a deficit (-) denotes the outflow of fund is greater than the inflow.

3.1 Direct Investment

Reference is made to the transactions in foreign financial assets and liabilities arising from direct investment abroad and in Malaysia (FDI). Data for direct investment (abroad or in Malaysia) refer to equity capital (equity & debt securities), other capital (loans, trade credits, currency & deposit, etc.) and retained earnings.

3.2 Portfolio Investment

This item reflects net transactions in equity securities and debt securities in the form of bonds & notes and money market instruments. Transactions in financial derivatives (assets and liabilities) are also recorded under this item.

3.3 Other Investment

This category covers all financial transactions in assets and liabilities not recorded under direct investment, portfolio investment and reserve assets. Among the instruments covered under this investment are trade credits, loans (long and short term), currency & deposits and other assets or liabilities.

3.4 The Capital & Financial Account tells how the surplus in the Current Account is utilised or how the deficit is financed. Thus, a surplus may be reflected in investments abroad or overseas lending or accumulation of reserves. Conversely, a deficit in the Current Account may be financed by foreign investment inflows or external borrowings or a draw downs on reserve assets.

4. Errors and Omissions

This arises from the underestimation or overestimation of the values for the individual Balance of Payments items, which are offset by a net entry for this item. Discrepancies also occur because data used in the compilation of the estimates are recorded either on a cash-flow basis, such as data sourced from BNM's International Transactions Information System (ITIS) or on an accrual basis, for example, data generated by the Quarterly Survey of International Investment and Services (PPPA) and could also arise from valuation gains or losses.

5. Overall Balance of Payments

This refers to the overall performance of the Balance of Payments after taking into account the balance on current account, capital and financial account and also Errors & Omissions and Reserve Assets.

6. Reserve Assets

These are foreign financial assets available to, and controlled by, BNM for financing or regulating payments imbalances or for other purposes. This category comprises of :

6.1 *monetary gold; and*

6.2 *Special Drawing Rights (SDR), reserve position in the IMF, foreign exchange assets (such as currency & deposit and securities) and other claims.*

A negative sign (-) denotes an increase while a positive sign (+) denotes a decrease in the reserve assets.

7. Data Sources

Data for compiling the Balance of Payments estimates are sourced as follows:

7.1 *primary sources such as the Quarterly Survey of International Investment and Services, the Survey of Foreign Airline Companies in Malaysia and the Census of Shipping Companies in Malaysia conducted by the Department;*

7.2 *secondary sources such as the tourism statistics compiled by the Malaysia Tourism Promotion Board, using data emanating from its Departing Visitors' Survey supplemented by data from the Immigration Department. Other sources include data on loan drawings and repayments by the federal government and Non Financial Public Enterprises (NFPE) compiled by BNM and BNM's International Transactions Information System (ITIS); and*

